

# Awasi jenayah kalangan pelajar

Dikesan terlibat kes pergaduhan, curi motosikal

Sinar 5/4/2011 57.

**GOMBAK** - Ibu bapa seharusnya mempunyai perasaan bimbang terhadap perlakuan anak-anak masa kini yang semakin berani melanggar undang-undang dan terlibat dalam jenayah.

Ketua Polis Ibu Pejabat Daerah (IPD) Gombak, Asisten Superintenden Abdul Rahim Abdullah berkata, terdapat jenayah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah sekitar Gombak pada masa ini.

Menurutnya, antara perlakuan yang ketara adalah pergaduhan dan kes curi motosikal yang sering berlaku sewaktu musim cuti sekolah yang menunjukkan berlakunya peningkatan.

"Kesemua kes seperti

ini berlaku kerana pelajar mudah terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat melalui pergaulan persekitaran yang tidak baik dan tidak mempunyai aktiviti khusus semasa cuti sekolah," katanya selepas merasmikan Program Minggu Anti Dadah, Cegah Jenayah dan Keselamatan Pelajar anjuran bersama Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak dan IPD Gombak, semalam.

Katanya, kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar di daerah ini pula sememangnya ada namun, kes ini dilakukan dalam skala kecil.

"Kebanyakan tangkapan dibuat melalui kerja-

sama dan maklumat bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di mana ada pelajar yang disahkan positif menggunakan dadah seperti syabu.

"Dalam pada itu, polis sentiasa berusaha untuk mengenal pasti punca pelajar-pelajar mudah terlibat dalam dadah. Mungkin, pelajar mudah terjebak apabila mereka mula menghisap rokok dan ditambah pula pergaulan sekitar yang mudah terdedah untuk mereka mendekati dadah," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, polis sentiasa mengambil langkah pencegahan seperti mengadakan program bersama masyarakat dan



■ Rahim (kiri) mendengar penerangan semasa lawatan tapak pameran oleh Jabatan Penjara.

berhubung dengan sekolah-sekolah yang didapati bermasalah dalam konteks jenayah.

Katanya, isu keselamatan dan jenayah yang dihadapi masyarakat se-

karang turut memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah ibu bapa di samping peranan polis membantu keamanan.

Pada program yang dijalankan selama seminggu,

turut diadakan adalah tapak pameran dari agensi-agensi kerajaan dan ceramah penyalahgunaan dadah oleh AADK dan IPD Gombak kepada pelajar sekolah.